

07/06/2004

Presinct 18 dilancar tahun depan

By Nur Lina Rasol

PUTRAJAYA Homes Sdn Bhd (PHSB), anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn Bhd akan melancarkan Presinct 18, tahun depan yang membabitkan pembinaan unit kediaman di satu-satunya pulau di Putrajaya.

Pengarah PHSB, Wan Hashimi AlBakri Wan Ahmad Amin Jaffri, berkata unit kediaman yang akan dibina di Core Island itu ialah fasa pembangunan seterusnya, selepas semua unit kediaman yang ditawarkan di fasa pembinaan ketika ini iaitu Palladium habis dilancarkan akhir tahun ini.

"PHSB sedang bersedia ke arah melancarkan Presinct 18 yang kini masih pada peringkat perancangan dan berharap dapat menawarkan produk yang unik kepada pembeli," katanya kepada Berita Harian, di Putrajaya, minggu lalu.

Presinct 18 ialah satu daripada 12 kawasan pembangunan yang dipertanggungjawabkan kepada PHSB di Putrajaya membabitkan Presinct 2, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 12, 17, 18 dan Palladium.

PHSB sudah melancarkan Presinct 10 tiga tahun lalu dengan Palladium pada 9 Mei lalu, manakala Presinct 8 dan 18 masih dalam peringkat perancangan.

Wan Hashimi berkata, pembangunan bagi Presinct lain pula kini berada pada pelbagai peringkat perancangan dan ia akan dilancarkan secara berperingkat sehingga tahun sasaran Putrajaya siap dibangunkan sepenuhnya iaitu pada 2012.

"Kami yakin dapat membangunkan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu mengikut masa yang ditetapkan, tetapi pembangunannya bergantung kepada permintaan terhadap unit kediaman yang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata, PHSB yakin tidak mempunyai masalah berdasarkan sambutan menggalakkan yang diterima bagi setiap unit kediaman dan komersial yang ditawarkan di Putrajaya sebelum ini.

"Setakat ini, kami mencatat prestasi jualan yang konsisten dan ia dicerminkan sambutan menggalakkan terhadap Palladium yang sehingga kini 80 peratus daripada 133 unit yang ditawarkan sudah dijual," katanya.

Daripada 133 unit itu, 64 rumah teres, 42 unit rumah berkembar dan 27 banglo dengan pembinaan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun depan.

Keseluruhan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu dijangka menjelang 2012 itu dijangka mempunyai jumlah penduduk kira-kira 325,000 orang dalam 67,000 unit kediaman yang mana 32,000 adalah milik persendirian.

Wan Hashimi berkata, pelan pembangunan dengan jumlah unit kediaman dan penduduk terhad itu bertujuan mengekalkan persekitaran Putrajaya yang tenang dan selesa serta bagi mengelakkan wujudnya kesesakan pada masa depan.

Apabila siap sepenuhnya kelak, daripada keluasan keseluruhan 4,931 hektar kawasan pusat pentadbiran itu, kira-kira 40 peratus diperuntukkan sebagai taman manakala bakinya untuk pembangunan, kompleks komersial, bangunan kerajaan, dataran dan jambatan.

Putrajaya yang satu ketika dulu dianggap satu kawasan terpencil, kini semakin membangun dan kaedah pembangunan terkawal menjadikannya antara kawasan perbandaran terindah di Malaysia ketika ini.

Wan Hashimi berkata, warga Malaysia seharusnya mengambil kesempatan untuk berkongsi keindahan Putrajaya yang diilhamkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed itu.

"Walaupun tujuan Putrajaya dibangunkan ialah sebagai pusat pentadbiran persekutuan, ia sebenarnya tidak dibina khusus untuk kakitangan kerajaan.

"Malah pembangunannya juga turut meliputi pelbagai kemudahan seperti

pusat beli-belah, sekolah dan rekreasi serta bakal memiliki kemudahan pengangkutan yang menyeluruh sesuai gaya hidup dan bagi kemudahan penduduknya," katanya.

(END)